

No. Ruj. : USM.38/17 JLD.XI

Tarikh : 6 Oktober 2023

Kepada : Semua Staf  
Universiti Sains Malaysia (USM)

## Memorandum

Bangunan Canselori  
(Chancellery Building)  
11800 USM  
Pulau Pinang, Malaysia  
Tel: 04-6533888  
www.usm.my

### HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 57 TAHUN 2023

#### - PINDAAN SYARAT UKURAN PRESTASI PENGAJIAN BAGI KELAYAKAN PERMOHONAN PENGECUALIAN YURAN PENGAJIAN – PENGAJIAN SECARA SAMBILAN DI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM)

Saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Seperti YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan sedia maklum, pihak Universiti telah menyediakan kemudahan Pengecualian Yuran Pengajian kepada staf yang mengikuti pengajian secara sambilan dengan cemerlang di Universiti Sains Malaysia (USM). Permohonan untuk Pengecualian Yuran Pengajian ini boleh dibuat melalui portal '*Campus Online*' pada menu '**E-BLJR SAMB**'.

3. Dalam hal ini, selaras dengan prinsip ukuran prestasi pengajian (taraf akademik) pelajar bagi sesuatu semester yang berdasarkan pencapaian nilai Purata Nilai Gred (PNG), maka pihak Universiti telah meminda **syarat ukuran prestasi pengajian kepada PNG** dan bukan lagi berdasarkan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) sebagai kelayakan untuk memohon Pengecualian Yuran Pengajian :-

Syarat Asal Ukuran Prestasi Pengajian Tiap Semester	Syarat Baharu Ukuran Prestasi Pengajian Tiap Semester
<b>PNGK</b> 3.00 dan ke atas	<b>PNG</b> 3.00 dan ke atas <ul style="list-style-type: none"><li>• PNG ialah ukuran untuk menentukan pencapaian taraf akademik pelajar bagi sesuatu semester</li></ul>

4. Sila ambil perhatian bahawa kriteria baharu ini akan berkuat kuasa mulai keputusan peperiksaan pengajian **Semester 1, Sidang Akademik 2023/2024**. Sehubungan itu, staf terlibat perlu memenuhi syarat baharu ini mulai pengajian **Semester 1, Sidang Akademik 2023/2024** untuk memohon Pengecualian Yuran Pengajian bagi pengajian Semester 2, Sidang Akademik 2023/2024.

5. Sekian, harap maklum. Terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(MOHD AZIZUDIN BIN MOHD SHARIFF)

Timbalan Pendaftar Kanan  
Bahagian Sumber Manusia

MAMS/mfaa/eeba..PY2023

Tel. : (6)04 6536070 ; Faks : (6)04 6534315 ; e-emel : [azizudin@usm.my](mailto:azizudin@usm.my) ; Web : [registry.usm.my](http://registry.usm.my)